



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA INDEKS MEMBACA KEBANGSAAN

---

**PUTRAJAYA**, 7 Oktober 2024 – Kementerian Perpaduan Malaysia melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah melaksanakan Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia sebagai indikator dalam menilai tahap membaca rakyat Malaysia dan sebagai asas pengukuran negara maju. Hasil kajian ini penting untuk memberi maklum balas terhadap kadar pembacaan rakyat Malaysia pada masa sekarang agar seimbang dengan kadar literasi iaitu 97% mengikut standard UNESCO.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata antara syor melalui Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia pembangunan Indeks Membaca Kebangsaan (IMK) untuk melihat trend membaca rakyat Malaysia. IMK adalah satu cadangan inisiatif yang perlu diwujudkan bertujuan mengukur pencapaian pelaksanaan Dekad Membaca Kebangsaan dan Dasar Galakan Membaca.

IMK juga bertujuan untuk mendapatkan gambaran menyeluruh tentang tabiat membaca, jenis bahan bacaan yang diminati, dan frekuensi membaca di kalangan rakyat Malaysia. Indeks ini dilihat dapat membantu pihak berkaitan dalam merancang strategi dan program yang berkesan untuk meningkatkan budaya membaca dalam masyarakat. Keperluan untuk IMK:

- I. Meningkatkan Literasi: IMK membantu mengenal pasti kawasan yang memerlukan perhatian untuk meningkatkan kemahiran membaca dalam masyarakat.
- II. Perancangan Pendidikan: Data daripada IMK boleh digunakan oleh kerajaan dan institusi pendidikan untuk merancang program literasi yang lebih efektif.
- III. Promosi Minat Membaca: Menggalakkan masyarakat untuk membaca melalui kempen dan inisiatif yang berfokus pada meningkatkan akses kepada bahan bacaan.
- IV. Penilaian Program: Menilai keberkesanan program literasi dan membaca yang telah dilaksanakan.

- V. Sokongan untuk Pembuat Dasar: Memberikan panduan kepada pembuat dasar dalam merumuskan strategi yang sesuai untuk meningkatkan tahap literasi.

YB Datuk Aaron Ago Dagang turut memaklumkan bahawa Ketika ini IMK dalam proses perancangan dan memerlukan penelitian bagi memastikan indeks yang dihasilkan mampu memberikan gambaran yang menyeluruh dan tepat berkenaan tabiat membaca rakyat Malaysia. Melalui penggunaan IMK, diharapkan tahap literasi dan minat membaca dalam masyarakat dapat ditingkatkan, yang seterusnya akan menyokong pembangunan sosial dan ekonomi negara.

**Kementerian Perpaduan Negara**

7 Oktober 2024